

Tadbir Urus Pandemik: Kajian Perbandingan tentang Respons Krisis COVID-19 antara Amerika Syarikat dan Korea Selatan

Manimegalai Ambikapathy*
Dewi Seribayu Nordin Selat

Universiti Teknologi MARA, Malaysia

Emel perhubungan: manimegalai@uitm.edu.my*

Abstrak

Wabak COVID-19 baharu sahaja melepasi fasa berbahaya kepada kemaslahatan warga global namun impaknya masih dirasai. Beberapa negara berjaya mengawal krisis kesihatan itu dengan baik, manakala ada juga negara yang gagal menanganinya. Makalah ini akan membincangkan tindakan yang diambil oleh kerajaan Amerika Syarikat dan Korea Selatan dan membandingkan pendekatan berdasarkan model tindak balas krisis Coomb berdasarkan pangkalan data sekunder. Pendekatan menangani krisis di antara kedua-dua negara ini adalah berbeza dalam cara mereka mengendalikan situasi diakibatkan wabak maut itu. Dari segi latarnya walaupun negara-negara ini menerima kes pertama COVID-19 pada hari yang sama, Korea Selatan dilihat lebih berjaya dalam membendung dan mengurangkan kesan buruk wabak COVID-19. Kejayaan di Korea Selatan dicapai kerana pemerintah mengamalkan ketelusan, menyediakan perkhidmatan maksimum kepada penghidap, menyediakan peralatan kesihatan yang mencukupi, dan yang paling utama, memastikan orang ramai mematuhi ujian saringan dan pemantauan pada skala mega untuk menghentikan penyebaran virus dengan cepat. Kedua-dua negara didapati mempunyai tahap kejayaan yang berbeza walaupun melaksanakan pendekatan yang sama untuk melawan wabak COVID-19. Iktibar daripada proses pengurusan wabak dan polisi adalah dengan memberi kefahaman yang sepenuhnya oleh orang ramai. Ketelusan ialah strategi terbaik yang boleh dilaksanakan oleh setiap kerajaan untuk memenuhi matlamat polisi yang ditetapkan.

Kata Kunci : COVID-19, Krisis Kesihatan, Respon terhadap krisis, Amerika Syarikat, Korea Selatan.